

**Tarikh Dibaca: 01 FEB 2019M | 26 JUMAD AL-ULA 1440H**



# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“JOM BERJEMAAH DI MASJID”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)**  
**Mantan Timbalan Pengarah,**  
**Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)**  
**Bahagian Pengurusan Masjid,**  
**Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)**  
**Timbalan Mufti,**  
**Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**  
**Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**  
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),**  
**Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)**  
**Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Mat Isa (Ahli)**  
**Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)**  
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)**  
**Bahagian Pengurusan Masjid**



## “JOM BERJEMAAH DI MASJID”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا

مَعَ الرَّكْعَيْنِ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا  
الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan didunia dan diakhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**JOM BERJEMAAH DI MASJID.**”

### Tetamu-tetamu yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya solat berjemaah mengandungi banyak kelebihan dan fadhilat. Setiap Muslim yang menunaikan solat berjemaah dijanjikan pahala

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 43.



yang berlipat kali ganda oleh Allah SWT berbanding solat secara bersendirian. Ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya yang diriwayatkan oleh daripada Abdullah Bin Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

*"Solat berjemaah lebih afdal daripada solat secara bersendirian dengan dua puluh tujuh darjat."*

*(Riwayat Bukhari dan Muslim).*

**Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Alhamdulillah, kesedaran untuk solat berjemaah di masjid dilihat semakin baik. Namun ia perlu dipertingkatkan lagi supaya lebih ramai yang hadir mengimarahkan masjid. Alangkah baiknya jika solat fardhu berjemaah yang ramainya seperti solat Jumaat sebagaimana hari ini? Jika kita dapat mengamalkannya seperti ini pada setiap solat fardhu, maka keimanan kita akan dijamin oleh Nabi SAW sebagaimana penegasannya melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسَاجِدَ، فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ

*"Apabila kamu melihat orang yang berulang alik ke masjid, maka saksikanlah bahawa dia adalah orang yang beriman".*

*(Riwayat al-Tirmizi).*



Jika begitu kaitan iman dengan kehadiran seseorang ke masjid, maka kita hendaklah buang apa jua halangan dan alasan yang menyebabkan kita berat hati untuk melangkah pergi ke masjid, sedangkan masjid melambai-lambai dan memanggil-manggil untuk solat berjemaah di masjid. Tambahan pula bagi mereka yang solat fardhu di masjid bukan sekadar solat itu sahaja yang mendapat pahala yang besar malahan setiap langkah akan dihitung dan dikira oleh Allah SWT.

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ  
اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ، كَانَتْ  
خُطْوَاتُهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً، وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ  
دَرَجَةً

*“Sesiapa yang bersuci di rumahnya, kemudian berjalan ke salah satu rumah Allah (masjid) untuk melaksanakan kewajipan yang Allah tetapkan, maka kedua langkahnya, yang satu menghapus kesalahan dan satu lagi meninggikan darjat.”*

*(Riwayat Muslim).*

**Hadirin yang dirahmati Allah SWT,**

Setiap Muslim perlu ada kesungguhan untuk membina umat yang cinta dan memakmurkan rumah Allah. Antaranya memupuk budaya solat berjemaah kepada anak-anak kita semenjak ia masih kecil lagi. Ini kerana ia merupakan satu sifat tarbiah yang paling berkesan bagi jiwa anak-anak untuk menunaikan solat berjemaah di Masjid.



Bapa sebagai ketua keluarga perlu menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada anak-anak. Bapa sendiri perlu mempraktikkan amalan solat berjemaah apabila tiba waktu solat dan mengajak anak-anak pergi bersamanya ke masjid untuk menunaikan solat berjemaah apabila masuk waktu solat. Selain itu, Ibu dan bapa juga perlu bertanggungjawab mendidik anak-anak akan kepentingan dan keutamaan menunaikan solat berjemaah terutamanya di masjid. Ini kerana sesiapa sahaja termasuk remaja yang hidupnya sentiasa beribadah kepada Allah dan hatinya sentiasa terpaut dengan masjid akan mendapat naungan Allah SWT di akhirat nanti. Ini berdasarkan sebuah hadis Rasulullah SAW yang menceritakan tentang tujuh golongan yang mendapat perlindungan Allah antaranya seseorang yang hatinya selalu terikat pada masjid dan seorang pemuda yang menyibukkan dirinya beribadah kepada Allah.

#### **Hadirin Jumaat sekalian,**

Demi menggalakkan orang ramai hadir berjemaah ke masjid, setiap masjid dan surau boleh mengambil pendekatan yang sesuai dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti kelas-kelas tuisyen, tempat-tempat riadah dan lain-lain.

Banyak kelebihan solat berjemaah ini jika kita perhatikan secara menyeluruh, sama ada secara dalaman atau luaran. Solat berjemaah di Masjid adalah satu wadah dalam mendidik hati dan jiwa para Jemaah untuk lebih berukhwah dan bersatu padu. Solat berjemaah juga mampu mengikis sifat pentingkan diri sendiri dan menjadi manusia yang boleh bertolak ansur dan sentiasa tawaduk.

#### **Hadirin sidang Jumaat sekalian,**

Mengakhiri khutbah hari ini, beberapa taujihat hendaklah diambil perhatian:



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Masjid adalah rumah Allah yang menjana keimanan kepada Allah dan hari akhirat.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Rasulullah SAW pernah memberi amaran dengan mengancam untuk membakar rumah orang-orang yang tidak solat berjemaah di masjid.
3. Umat Islam hendaklah solat berjemaah di masjid sehingga boleh menguatkan hubungan persaudaraan dan perpaduan sesama umat Islam.
4. Umat Islam hendaklah menjadikan masjid sebagai rumah kedua yang akan membawa kita ke syurga.
5. Umat Islam hendaklah memakmurkan rumah Allah setiap lima waktu solat fardhu sehari semalam sehingga menyamai solat Jumaat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ  
الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ  
يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

*"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk."*

*(Surah al-Taubah : 18).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Puaad/Nurul

23.01.2019





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ  
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج  
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَو  
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه



الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*